

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG  
KETIGA BELAS, PENGGAL KELIMA, MESYUARAT PERTAMA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN  
HAJI MOHD YASSIN  
[ PAGOH ]**

**TARIKH : 21 MAC 2017 (SELASA)**

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Bin Haji Mohd Yassin [ Pagoh ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah Kerajaan menyelesaikan masalah kos keseluruhan Hutang Peneroka FELDA yang menyertai skim tanam semula yang amat tinggi, sedangkan bantuan yang diterima peneroka adalah tidak memadai. Adakah Kerajaan akan mengkaji semula faedah Bayaran Kembali (bayaran balik hutang) setinggi 6.25% yang masih dikekalkan sehingga kini.

**JAWAPAN: YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM,**

**TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tanam semula kebun peneroka akan dilaksanakan apabila usia pokok mencecah 25 tahun dan apabila pengeluaran hasil yang tidak produktif. Komponen utama yang menyumbang kepada hutang tanam semula peneroka adalah kos pembangunan, pinjaman Sara Hidup (SH), dan pinjaman Pendahuluan Hasil (PDH).

Pembiayaan tanam semula kebun peneroka melibatkan sumber pembiayaan yang tinggi di mana FELDA perlu menampung kos untuk tiga tahun pertama yang terdiri daripada kos pembangunan dan kos sara hidup peneroka. Bagi tahun 2010 hingga 2014, kadar kos pembangunan adalah RM6,500 sehektar. Bermula tahun 2015, kos pembangunan telah meningkat kepada RM10,000 sehektar. Selaras dengan dasar FELDA, kos pembangunan bagi tanam semula kali pertama adalah ditanggung oleh FELDA berjumlah RM26,000 sepeneroka dengan anggaran purata keluasan kebun peneroka 4 hektar. FELDA juga menyediakan bantuan sara hidup kepada peneroka dalam bentuk pinjaman dengan kadar RM100/ekar/bulan untuk tahun pertama, RM120/ekar/bulan untuk tahun kedua dan RM130/ekar/bulan untuk tahun ketiga. Peneroka hanya menanggung kos sara hidup sebanyak RM42,000 sepeneroka.

Selepas tiga tahun pertama, apabila pokok sawit mula berhasil, FELDA juga menyediakan pinjaman pendahuluan hasil selama lima tahun pada kadar RM1,400 - RM1,500 sebulan memandangkan penghasilan pokok yang masih rendah dan tidak dapat menampung kos operasi kebun mereka. Kos pendahuluan hasil ini mencecah RM87,600 sepeneroka bagi purata keluasan kebun 4 hektar. Walau bagaimanapun, kos pendahuluan hasil ini akan dapat dikurangkan atau ditampung oleh pencapaian hasil bersihnya.

Pencapaian hasil yang baik dalam tempoh lima (5) tahun pertama berhasil setelah ditolak kos operasi menunjukkan keuntungan kepada peneroka. Namun begitu, apabila dikira dengan menjumlahkan keuntungan hasil kebun, pinjaman pendahuluan hasil dan pinjaman sara hidup, ianya masih menunjukkan peneroka mempunyai hutang RM50,000 hingga RM70,000 sepeneroka. Ini menggambarkan bahawa komponen pinjaman sara hidup dan pinjaman pendahuluan hasil ini menyumbang kepada hutang peneroka keseluruhan. Bagi peneroka yang tidak mengambil pinjaman sara hidup dan pinjaman pendahuluan hasil, hutang mereka adalah diparas minima.

Apabila usia pokok mencecah tahun kesembilan, kunci kira – kira akaun tanam semula peneroka akan dilaksanakan. Peneroka akan menikmati hasil sebenar bulanan setelah ditolak Bayaran Kembali (BK). Caj perkhidmatan 6.25% setahun dikira berdasarkan baki berkurangan untuk tempoh BK selama 15 tahun menjadikan kadar caj perkhidmatan efektif sebenarnya adalah 3.8% sahaja.

Sekian. Terima kasih.